

# ISTIADAT PERBARISAN PENGANUGERAHAN PANJI-PANJI SKUADRON KEPADA REJIMEN TUDM, NO 16, NO 17, NO 18 DAN NO 20 SKN YANG DISEMPURNAKAN OLEH KDYMM SULTAN PAHANG

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/734-istiadat-perbarisan-penganugerahan-panji-panji-skuadron-kepada-rejimen-tudm-n0-16-no-17-no-18-dan-no-20-skn-yang-disempurnakan-oleh-kdymm-sultan-pahang](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/734-istiadat-perbarisan-penganugerahan-panji-panji-skuadron-kepada-rejimen-tudm-n0-16-no-17-no-18-dan-no-20-skn-yang-disempurnakan-oleh-kdymm-sultan-pahang)

KUALA LUMPUR, 27 Apr 16 - Kolonel Yang Dipertua TUDM, KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibnu Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah telah berkenan untuk mencemar duli bagi menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Panji-Panji Skuadron kepada Rejimen TUDM, No 16, No 17, No 18 dan No 20 Skuadron di Pangkalan Udara Subang hari ini.

Pengurniaan panji-panji ini merupakan pengiktirafan dan penghormatan tertinggi Negara kepada skuadron-skuadron yang telah membuktikan kecekapan dan kecemerlangan dalam melaksanakan misi-misi operasi bagi mempertahankan dan memelihara keamanan tanah air yang tercinta. Panji-panji ini juga merupakan lambang kemegahan, taat setia dan pengorbanan pasukan-pasukan demi agama, bangsa dan Negara, sejajar dengan cogan kata TUDM 'Sentiasa Di Angkasa Raya' sebagai satu warisan semangat perjuangan yang telah disemadikan sejak 1958.

Sebagai sebuah ketumbukan udara yang berperanan penting dalam memelihara keselamatan ruang angkasa Negara, KDYMM Sultan Pahang berharap seluruh perwira dan perajurit Tentera Udara akan senantiasa menjunjung tinggi sumpah setia dan ikrar kesatria dalam setiap tanggungjawab yang telah diamanahkan dan dipertahankan sehingga ketitisan darah yang terakhir.







